

Surat tawaran beli rumah PA Setapak Jaya, Seri Negeri Sembilan dua minggu lagi DBKL sedang semak penyewa



Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**

kota@utusan.com.my

KUALA LUMPUR

11 Jun - Surat tawaran bagi pembelian rumah di Perumahan Awam (PA) Setapak Jaya, PA Seri Negeri Sembilan kepada penyewa yang layak akan dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam masa dua minggu lagi.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin

(gambar) berkata, buat masa ini DBKL masih lagi dalam proses menyemak senarai penyewa.

"Surat tawaran masih belum dikeluarkan kerana DBKL sedang menyemak senarai penyewa yang tidak mempunyai tunggakan.

"DBKL hanya akan menawarkan penjualan rumah kepada penyewa yang tidak mempunyai tunggakan sahaja. Jadi para penyewa ha-



ruslah mengemas kini tunggakan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Program Gerakan Tumpuan (PGT) di Padang Bola Sepak PA Seri Perak, Sentul di sini, baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar dan Pengurusan) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk

Adnan Md. Ikhsan dan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Sosioekonomi DBKL, Datuk Mhd. Amin Nordin Abd. Aziz.

Baru-baru ini, Raja Nong Chik mengumumkan bahawa sebanyak 486 unit rumah di PA Setapak Jaya A1 dan 789 unit rumah di PA Seri Negeri Sembilan akan dijual kepada penyewa sedia ada dengan syarat mereka perlu bersetuju jika ada pembangunan semula di kawasan tersebut.

Terdahulu, beliau mengulas me-

ngenai program PGT tersebut yang merupakan kali ketujuh diadakan sejak dilancarkan pada 2004.

Menurutnya, program tersebut adalah acara tahunan yang diadakan bagi tujuan menangani masalah jenayah dan sosial secara bersepadu di kawasan-kawasan terpilih di Kuala Lumpur.

"Program ini juga bertujuan rapatkan lagi hubungan antara agensi-agensi kerajaan dan penduduk setempat melalui persatuan-persatuan penduduk," ujarnya.